

CABARAN PELAJAR ANTARABANGSA  
DI KOLEJ KEDIAMAN UTHM

NURUL HIDAYATI BINTI HAMID

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

## ABSTRAK

Setiap pelajar mempunyai pelbagai cabaran tersendiri semasa mereka mengikuti pengajian di peringkat universiti. Cabaran ini terpaksa dilalui oleh mereka dan besar kemungkinan ianya akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti masalah dominan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM. Masalah penyesuaian yang dikaji meliputi akademik, sosial dan peribadi-emosi. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap keselesaan interaksi dalam kalangan pelajar antarabangsa. Perbezaan antara masalah yang dihadapi dengan ciri-ciri demografi juga turut dikaji. Kajian berbentuk tinjauan deskriptif dan inferensi ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen di mana ia melibatkan 98 orang pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan pendekatan *Rasch Model* melalui perisian Winstep versi 3.69. Hasil kajian mendapati (i) masalah penyesuaian sosial dilihat sebagai masalah dominan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa dengan nilai *mean measure* 0.18 logit; (ii) tahap keselesaan interaksi dalam kalangan pelajar antarabangsa pula berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min 2.70; (iii) tiada perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian akademik dengan CPA; (iv) tiada perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian sosial dengan CPA; (v) tiada perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi dengan CPA; (vi) tiada perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian akademik dengan negara; (vii) tiada perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian sosial dengan negara; (viii) terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi dengan negara. Diharap maklumat daripada tulisan ini akan memberikan kesedaran dan manfaat bagi semua mengenai isu berkaitan dengan cabaran pelajar antarabangsa untuk kesejahteraan warga dan organisasi.

## **ABSTRACT**

Each student faces all kinds of challenges while pursuing their studies at the tertiary level. These challenges and experiences they will most likely affect their academic achievement. Therefore, this study was conducted to identify the dominant problems faced by international students staying in residential colleges in UTHM. The reviewed problems were academic adjustment, social adjustment and personal-emotional adjustment. The study was also carried out to identify the level of comfort when interacting among the international students. A part from that, this study also tried to identify whether there were differences between problems experienced and demography. This descriptive and inferential research used questionnaires as instruments which involving 98 international students living in residential colleges in UTHM. The collected data were analyzed by using Rasch Model version 3.69. The study found that (i) social adjustment was seen as the dominant problem faced by the international students with mean of 0.18 logit; (ii) the level of comfort when interacting among international students was in moderate with a mean score of 2.70; (iii) there was no significant difference between academic adjustment problems with the CPA; (iv) there was no significant difference between social adjustment problems with CPA; (v) there was no significant difference between personal-emotional adjustment problems with CPA; (vi) there was no difference significant differences between academic adjustment problems with country; (vii) there was no significant difference between social adjustment problems with country; (viii) there was significant difference between personal-emotional adjustment problems with country. It is hoped that, the results from this study can increase awareness and give benefits on the issue regarding with challenges of international students.

## **KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
 <b>BAB 1</b>	
<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	3
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Objektif kajian	6
1.5 Persoalan kajian	6
1.6 Skop kajian	7
1.7 Batasan kajian	7
1.8 Kepentingan kajian	8
1.9 Kerangka operasi kajian	9
1.10 Definisi operasi	10
 <b>BAB 2</b>	
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Permasalahan pelajar	12
2.2.1 Kajian dalam negara	15

2.2.2	Kajian luar negara	17
2.3	Pelajar antarabangsa	19
2.4	Kolej Kediaman UTHM	20
2.4.1	Hubungan dengan rakan sebilik	22
2.4.2	Hubungan dengan staf-staf kolej kediaman	23
2.4.3	Persekutaran kolej kediaman	23
2.5	Budaya interaksi	24
2.6	Hubungan antara kaum	26
2.7	Kajian permasalahan pelajar berdasarkan ciri demografi	26
2.8	Rumusan	28
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>29</b>
3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka bentuk kajian	30
3.3	Kerangka operasi	30
3.4	Lokasi kajian	32
3.5	Populasi dan sampel	32
3.6	Instrumen kajian	33
3.7	Kajian rintis	35
3.8	Kaedah analisis data	38
3.9	Kajian sebenar	44
3.10	Rumusan	45
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN</b>	<b>46</b>
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis bahagian A – Maklumat demografi pelajar	46
4.3	Masalah dominan pelajar antarabangsa	48
4.4	Tahap interaksi pelajar antarabangsa	52
4.5	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian akademik dengan CPA	53
4.6	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian akademik dengan negara	54
4.7	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian sosial dengan CPA	55

4.8	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian sosial dengan negara	55
4.9	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi dengan CPA	56
4.10	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi dengan negara	57
4.11	Rumusan	58
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>59</b>
5.1	Pengenalan	59
5.2	Perbincangan	59
5.2.1	Latar belakang responden	60
5.2.2	Mengenal pasti masalah dominan pelajar antarabangsa	60
5.2.3	Tahap keselesaan interaksi dalam kalangan pelajar antarabangsa	64
5.2.4	Perbezaan antara masalah penyesuaian akademik yang dihadapi dengan CPA	65
5.2.5	Perbezaan antara masalah penyesuaian akademik yang dihadapi dengan negara	65
5.2.6	Perbezaan antara masalah penyesuaian sosial yang dihadapi dengan CPA	66
5.2.7	Perbezaan antara masalah penyesuaian sosial yang dihadapi dengan negara	67
5.2.8	Perbezaan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi yang dihadapi dengan CPA	67
5.2.9	Perbezaan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi yang dihadapi dengan negara	68
5.3	Kesimpulan	69
5.4	Cadangan	70
<b>RUJUKAN</b>		<b>71</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>80</b>
<b>VITA</b>		<b>108</b>

## **SENARAI JADUAL**

3.1	Bilangan populasi kajian	32
3.2	Kandungan soal selidik dan bilangan item bahagian B kajian rintis	34
3.3	Pemarkahan item-item Skala Likert	35
3.4	Ringkasan analisis data bagi kajian rintis	37
3.5	Kebolehpercayaan dan indeks pengasingan item	37
3.6	Indeks kebolehpercayaan responden	38
3.7	Indeks kebolehpercayaan item	38
3.8	Nilai PT-Mea-Corr bagi item	39
3.9	Nilai <i>Outfit</i> MNSQ bagi item	40
3.10	Pemilihan item kekal	40
3.11	Ringkasan pemeriksaan kefungsian item	41
3.12	Persoalan kajian dan kaedah analisis yang digunakan	42
3.13	Tafsiran purata min	44
4.1	Bilangan responden mengikut CPA	47
4.2	Taburan responden mengikut negara	47
4.3	Analisis masalah yang dominan	48
4.4	Perbandingan bagi dimensi sosial	49
4.5	Item bagi masalah penyesuaian sosial	49
4.6	Perbandingan bagi dimensi akademik	50
4.7	Item-item dalam dimensi akademik	50
4.8	Perbandingan bagi dimensi peribadi-emosi	51

4.9	Item-item dalam dimensi peribadi-emosi	52
4.10	Tahap keselesaan interaksi	52
4.11	Item-item keselesaan interaksi	52
4.12	Perbezaan antara masalah penyesuaian akademik dengan CPA	53
4.13	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian akademik dengan negara	54
4.14	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian sosial dengan CPA	55
4.15	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian sosial dengan negara	55
4.16	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi dengan CPA	56
4.17	Analisis perbezaan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi dengan negara	57

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka operasi kajian	9
3.1	Kerangka operasi kajian	31
3.2	Nilai logit	44

**SENARAI SINGKATAN**

DGF	-	<i>Differential Group Functioning</i>
DIF	-	<i>Differential Item Functioning</i>
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
MNSQ		<i>Mean Square</i>
PT-Mea-Corr		<i>Point Measure Correlation</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa	80
B	Borang Soal Selidik	81
C	Borang Pengesahan Pakar	88
D	Analisis Bagi Kajian Rintis	94
E	Analisis Objektif Kajian Pertama	97
F	Analisis Objektif Kajian Kedua	99
G	Analisis Objektif Kajian Ketiga	100
H	Surat Kebenaran Kajian Sebenar	103

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Menurut Ismail (2003), masyarakat sudah mula menyedari akan kepentingan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan taraf hidup dan bersaing dalam dunia yang global ini. Ross & Wu (1996) dan Crow & Crow (1983) menyatakan bahawa pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan. Pendidikan merupakan satu proses meliputi semua bentuk kegiatan yang menempatkan seseorang itu untuk hidup bermasyarakat dan yang menolong menyalurkan adat resam, undang-undang, kepercayaan agama, bahasa dan institusi sosial dari satu generasi ke generasi yang lain.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berusaha berdaya saing dengan universiti luar negara yang terkemuka untuk mempromosi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Menurut Idris (2010) matlamat Malaysia untuk menjadi pusat pengajian tinggi serantau bukan sahaja melibatkan usaha institusi pengajian tinggi awam (IPTA), malah institusi pengajian swasta (IPTS). Pertambahan bilangan IPTA dan diiringi oleh pertumbuhan pesat IPTS yang menyediakan penawaran kursus pengajian tinggi berkualiti dalam pelbagai bidang mempercepatkan lagi pencapaian matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Sehingga kini lebih 70,000 orang pelajar antarabangsa menuntut di IPTA dan PTS di negara ini (Mohamed, 2009). Justeru itu dapat kita lihat peningkatan kemasukan pelajar antarabangsa yang telah melanjutkan pelajaran pendidikan tinggi di Malaysia sama ada di IPTA atau di PTS.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tidak terkecuali menerima kemasukan pelajar bukan sahaja dari dalam negara malah pelajar antarabangsa. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah untuk semester dua tahun 2011/2012, UTHM mempunyai seramai 326 orang pelajar ijazah pertama yang terdiri daripada 20 negara yang berbeza seperti yang dilampirkan di **LAMPIRAN A**. Oleh kerana mereka berasal dari negara yang berbeza, budaya mereka juga berbeza (Hushin & Mahmud, 2010). Terdapat pelbagai faktor yang mendorong mereka untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia. Antaranya ialah yuran pengajian yang rendah, peluang untuk berhijrah ke negara lain, kemudahan yang disediakan baik serta peluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik di negara mereka.

Kualiti pembelajaran adalah penting untuk menjaga dan mengekalkan reputasi universiti di mana mereka akan pulang ke negara asal dengan pendapat serta pengalaman semasa menuntut di luar negara. Oleh itu, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan oleh pihak Universiti dari segi kemudahan, kebijakan pelajar antarabangsa dan sistem akademik yang bersesuaian dengan mereka. Mereka sedang mencari satu identiti bagi mematangkan diri mereka dalam menghadapi berbagai cabaran. Pelajar antarabangsa akan menghadapi tekanan dan masalah yang lebih tinggi berbanding yang dihadapi oleh pelajar tempatan disebabkan kerana mereka berada jauh dari keluarga dan rumah serta kurang mendapat sokongan dan galakkan dari komuniti terdekat (Idris, 2010).

Kenyataan ini selari dengan Johnson (1971) yang mendapati pelajar-pelajar baru yang datang ke Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran akan berdepan dengan lebih banyak masalah berbanding dengan pelajar-pelajar tempatan. Menurut Husin (1986), pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi khususnya berada di dalam suatu peringkat yang disebut berbagai situasi sempadan kerana mereka sedang mencari suatu penyesuaian sosial dan psikologikal. Kebanyakan pelajar akan mengalami masalah penyesuaian. Kehidupan di kolej kediaman dapat mewujudkan hubungan sosial sesama pelajar. Ianya bertujuan untuk merapatkan hubungan antara mereka dimana setiap pelajar yang tinggal di kolej perlu berinteraksi bukan sahaja di antara pelajar malah perlu juga berinteraksi dengan keadaan sekeliling.

Kehidupan di kolej boleh menimbulkan tekanan dan kerisauan di kalangan pelajar disebabkan oleh beberapa faktor seperti akademik dan persaingan sosial serta tiada bantuan dari keluarga (Huang, 1977). Pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi

menghadapi berbagai-bagai masalah. Masalah-masalah ini adalah berbeza mengikut perkembangan seseorang individu. Corak latar belakang yang berbeza bagi setiap individu juga menyebabkan mereka mengalami masalah-masalah yang berlainan.

## 1.2 Latar belakang masalah

Pelajar-pelajar kolej adalah terdedah kepada masalah-masalah psikologi kerana mereka sering bersemuka dengan situasi yang belum pernah mereka alami dan berpotensi untuk disalah tafsir. Mereka mengalami satu keadaan peralihan yang merupakan tekanan semasa memulakan kehidupan di kampus. Proses penyesuaian diri dengan keadaan baru disekeliling merupakan suatu proses yang terpaksa dihadapi. Sama ada melalui proses perpindahan atau penghijrahan bagi suatu tempoh masa. Pelajar yang ingin berpindah dari satu tempat ke tempat yang baru mungkin akan menghadapi situasi tersebut. Apabila berhadapan dengan situasi yang sedemikian, sesetengah individu dapat mengatasi perkara dengan mudah, sementara ada yang tidak dapat menguruskan dan terpaksa menyerap budaya yang berbeza ini seorang diri.

Menurut Tinto (1996), terdapat tujuh cabaran utama yang menyebabkan pelajar menarik diri daripada pengajian iaitu masalah akademik, masalah penyesuaian, matlamat yang kabur, komitmen yang rendah, masalah kewangan, dan ketidakserasan antara pelajar dengan institusi dan pengasingan. Manakala hasil kajian Guclu (1993) di University of Pittsburgh mendapati masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar siswazah ialah masalah dalam Bahasa Inggeris, diikuti dengan kewangan, kesihatan, akademik, kemasukan, sosial, makanan dan tempat tinggal. Pelajar yang banyak menghadapi masalah penyesuaian didapati cenderung memperoleh pencapaian akademik yang rendah yang mungkin menyebabkan mereka gagal menghabiskan pengajian. Pelajar-pelajar dari Eropah pula dilaporkan mengalami sedikit sahaja masalah jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar dari benua lain.

Masalah utama yang dihadapi oleh pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) ialah masalah kewangan, diikuti dengan masalah akademik, masalah sosial, dan masalah peribadi. Mereka juga didapati mempunyai masalah kesihatan dan masalah mendapatkan penjagaan kesihatan yang baik. Pelajar perempuan UUM mengalami lebih masalah berbanding pelajar lelaki (Khamis et al., 2002). Dalam satu

kajian yang lain, Pendar (1987) yang mengkaji tentang masalah penyesuaian pelajar-pelajar Cameroon yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi di San Francisco mendapati masalah pelajar-pelajar ini ialah berkaitan dengan kewangan, sosial, peribadi, bahasa, dan akademik. Pelajar wanita Cameroon dilaporkan menghadapi lebih masalah dibandingkan dengan pelajar lelaki. Pelajar siswazah juga dilaporkan mengalami lebih masalah penyesuaian dibandingkan dengan pelajar ijazah.

Penyelidik mencadangkan agar biasiswa diberikan kepada lebih ramai pelajar untuk meminimumkan masalah penyesuaian mereka. Disamping itu, orientasi secara berterusan haruslah diadakan oleh kolej-kolej dan universiti-universiti di Amerika Syarikat kepada pelajar-pelajar luar negara. Selain itu, terdapat beberapa masalah polarisasi yang wujud dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Osman (1989) telah menggariskan beberapa masalah polarisasi kaum iaitu:

- (i) Darjah interaksi antara pelajar berbagai etnik adalah rendah walaupun terdapat banyak peluang-peluang untuk berinteraksi sesama mereka di kampus.
- (ii) Terdapat kecenderungan untuk memilih sahabat atau kawan dari anggota etnik yang sama.
- (iii) Kurang perbincangan secara terbuka dan serius di kalangan pelajar pelbagai etnik mengenai soal politik, ekonomi dan sosial.
- (iv) Terdapat prasangka dan stereotaip yang kuat.
- (v) Sebahagian besar daripada pelajar mempunyai etnosentrism yang tinggi.
- (vi) Banyak kegiatan pelajar yang dijalankan adalah mengikut garis etnik bukan merentas garis etnik.

Masalah interaksi sosial akan menjadi lebih rumit jika anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik tidak mengenali antara satu sama lain kerana terpisah oleh perbezaan ciri asas seperti agama, bahasa, budaya, wilayah dan pengalaman sejarah (Mohd Yusof, 2005). Pelajar antarabangsa didapati kurang berinteraksi dengan pelajar tempatan serta sering dilihat berada dikalangan kumpulan etnik mereka. Pelajar tempatan mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelajar antarabangsa. Justeru itu, pelajar tempatan tidak bersedia untuk menjadikan pelajar antarabangsa sebagai kawan (Ryan, 2005). Pelajar antarabangsa memerlukan suatu tempoh masa untuk menyesuaikan diri untuk berkawan dengan pelajar tempatan dimana mereka perlu mempelajari budaya, bahasa dan rasa diterima. Mereka juga merasa seperti didiskriminasi dan merasakan kehadiran mereka tidak

disenangi oleh pelajar tempatan dan juga pensyarah. Kesukaran untuk berinteraksi antara komuniti bukan disebabkan kedua-dua komuniti tidak berminat antara satu sama lain. Ini adalah kerana mereka tidak tahu bagaimana untuk melakukannya (Idris, 2010).

Komuniti tempatan perlu didedahkan dengan kejutan budaya yang dialami oleh pelajar antarabangsa manakala pelajar antarabangsa pula perlu diberi peluang untuk mempelajari budaya komuniti tempatan. Pelajar antarabangsa yang belajar di universiti Amerika Syarikat mempunyai masalah dalam hubungan interaksi. Hasil kajian Khatelen (1999) mendapati tahap interaksi sosial pelajar Amerika adalah rendah jika dibandingkan dengan pelajar tempatan. Terdapat ramai pelajar antarabangsa gagal mewujudkan perhubungan dengan pelajar tempatan. Kebanyakan daripada mereka lebih selesa berinteraksi dengan kumpulan masing-masing. Masalah ini disebabkan oleh perbezaan budaya. Aspek petempatan atau perumahan pelajar perlu dilihat sebagai sebahagian daripada misi pendidikan bagi sesebuah universiti (Beudin & Halpern, 1997).

Kamis (1997) dalam kajiannya mendapati apabila menjalani kehidupan di Universiti atau kolej, pelajar akan menghadapi tekanan dan ketakutan. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi, antaranya ialah kesukaran dalam berkomunikasi, kejutan budaya, penerimaan suasana baru, konflik dalam sosial dan nilai moral, pengiktirafan dalam hubungan sosial, perasaan keterasingan dan penyesuaian dengan sistem pendidikan yang baru. Persekutaran dikatakan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi personaliti atau sahsiah diri seseorang individu kearah pencapaian yang baik dalam pelajaran (Yahaya, 2005). Ini menunjukkan bahawa hubungan pelajar dengan persekitaran sangat penting dalam hidup bermasyarakat.

Daripada perbincangan, dapatlah disimpulkan bahawa kegagalan untuk mengadaptasikan diri dalam suasana kehidupan di kampus merupakan satu masalah yang dihadapi oleh sesetengah individu. Masalah penyesuaian yang serius akan memberikan tekanan kepada pelajar lalu menjelaskan pencapaian akademik mereka di universiti (Baker & Siryk, 1999). Bagi pelajar di IPT, pelajar yang mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih baik akan dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran. Seterusnya akan menyumbangkan kepada gaya hidup yang lebih sihat serta kurang mempunyai tekanan hidup.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Hasil daripada perbincangan dalam latar belakang di atas, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa yang merupakan cabaran bagi mereka semasa tinggal di kolej kediaman. Cabaran itu merangkumi dimensi penyesuaian akademik, sosial, peribadi-emosi dan masalah polarisasi kaum atau bangsa. Begitu juga permasalahan berpunca dari faktor demografi seperti jantina, pencapaian akademik, bangsa serta latar belakang negara yang berbeza. Di samping itu, hasil kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa cabaran-cabaran ini boleh menjelaskan prestasi pelajar sekiranya tidak diatasi. Kualiti hidup pelajar semasa berada di universiti sebahagiannya dipengaruhi oleh tempat kediaman mereka. Oleh yang demikian, cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh pelajar haruslah ditangani dengan sebijak-bijaknya demi menjaga nama baik universiti di peringkat antarabangsa. Justeru itu, satu kajian perlu dijalankan bagi tujuan mengenal pasti cabaran-cabaran yang wujud di Kolej Kediaman UTHM.

### **1.4 Objektif**

Objektif kajian ini ialah:

- (i) Mengenal pasti masalah dominan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM.
- (ii) Mengenal pasti tahap keselesaan interaksi dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM.
- (iii) Mengenal pasti perbezaan antara masalah yang dihadapi dengan ciri demografi (CPA dan Negara) dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM.

### **1.5 Persoalan kajian**

Persoalan kajian yang ingin dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Apakah masalah dominan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?
- (ii) Apakah tahap keselesaan interaksi dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?

- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian akademik yang dihadapi dengan CPA dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian akademik yang dihadapi dengan latar belakang negara asal dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?
- (v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian sosial yang dihadapi dengan CPA dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian sosial yang dihadapi dengan latar belakang negara asal dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?
- (vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi yang dihadapi dengan CPA dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?
- (viii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah penyesuaian peribadi-emosi yang dihadapi dengan latar belakang negara asal dalam kalangan pelajar antarabangsa yang tinggal di Kolej Kediaman UTHM?

## **1.6 Skop kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa elemen penting seperti dimensi penyesuaian akademik, sosial, peribadi-emosi dan interaksi dalam kalangan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah di UTHM.

## **1.7 Batasan kajian**

Kajian ini dilakukan ke atas pelajar antarabangsa yang terdiri daripada pelbagai negara, agama, bangsa dan budaya dan hanya melibatkan enam Kolej Kediaman UTHM. Kolej kediaman yang terlibat ialah, Kolej Kediaman Tun Dr Ismail, Kolej Kediaman Tun Fatimah, Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Taman Kelisa dan Melewar, Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Taman Universiti. Dapatan kajian ini hanyalah mewakili populasi pelajar-pelajar di UTHM sahaja dan tidak menggambarkan sepenuhnya di seluruh negara.

## 1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini penting dijalankan kerana ia berperanan sebagai satu sumber rujukan kepada pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan seperti:

a) Pihak universiti

Kajian ini sangat penting bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang menganggu pelajar antarabangsa di kolej kediaman UTHM ini dapat membekalkan satu hasil penyelidikan yang berguna kepada Universiti dalam usaha membantu pelajar-pelajar antarabangsa menangani masalah yang dihadapi.

b) Pihak pengurusan kolej kediaman

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan asas kepada pihak kolej dalam menguruskan pembangunan pelajar dan membina hubungan diantara penghuni kolej kediaman. Hasil dari kajian ini juga dapat memberi maklum balas kepada pihak pentadbiran kolej dalam mengambil langkah seterusnya bagi memastikan masalah pelajar dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup pelajar antarabangsa.

c) Pensyarah

Untuk membantu pihak pensyarah dalam merangka rancangan-rancangan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi dikalangan pelajar antarabangsa seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik dan sahsiah pelajar.


d) Pelajar

Dapat menyedarkan pelajar tentang cabaran yang bakal dihadapi agar pelajar dapat lebih bersedia dari segi mental dan fizikal.

## 1.9 Kerangka konsep kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengadaptasi kerangka konseptual seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1 di bawah. Masalah penyesuaian dan interaksi merupakan pembolehubah bebas yang dihubungkait dengan pencapaian pelajar di Universiti. Kajian yang telah dijalankan menggunakan teori Baker & Siryk (1989) dimana penyesuaian pelajar di universiti adalah terdiri daripada tiga dimensi iaitu dimensi akademik, sosial dan emosi. Tiga dimensi penyesuaian ini melibatkan jenis

dan darjah tuntutan yang berbeza-beza yang memerlukan daya tindak (*coping*) dan perlakuan penyesuaian yang pelbagai yang berbeza-beza dari segi keberkesanannya. Manakala bagi mengenal pasti tahap keselesaan interaksi antara kaum, penyelidik menggunakan teori Mac & Tucker (1997). Tahap atau darjah etnik seseorang individu itu akan menentukan tingkahlakunya dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian

### 1.10 Definisi operasi

Penyelidik telah mendefinisikan beberapa istilah mengikut konteks kajian yang dijalankan yang melibatkan definisi konsep dan operasional. Ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Marican, S. (2005) di mana definisi operasi menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur atau dimanipulasi. Senarai definisi mengikut konteks kajian adalah seperti berikut:

#### (a) Masalah

Perkataan masalah merujuk kepada suatu keadaan, situasi atau pengalaman yang boleh memberi kesan kepada ketidakseimbangan seseorang individu dari aspek emosi, pemikiran, tindakan dan adakalanya fizikal (Compton, Gallaway & Cournoyer, 2005). Masalah yang dihadapi pelajar antarabangsa

merangkumi aspek penyesuaian akademik, penyesuaian sosial dan penyesuaian peribadi-emosi.

(b) Penyesuaian

Menurut Arkoff (1968), penyesuaian merupakan proses interaksi antara individu dengan persekitarannya. Setiap individu sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluannya, dan mencapai matlamatnya dalam sesuatu persekitaran. Pada masa yang sama ia juga menghadapi tekanan dalam persekitaran tersebut yang memerlukan ia melakukan sesuatu.

(c) Penyesuaian akademik

Terdiri daripada tuntutan pendidikan yang perlu dipenuhi oleh pelajar yang meliputi aspek seperti motivasi, aplikasi, prestasi dan persekitaran akademik.

(d) Penyesuaian sosial

Meliputi tuntutan daripada aspek penglibatan dalam aktiviti sosial, hubungan dengan orang lain di kampus, hubungan dengan ahli keluarga setelah berjauhan dengan mereka, dan kepuasan terhadap persekitaran sosial di universiti yang merangkumi kepuasan terhadap asrama dan aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di universiti.

(e) Penyesuaian peribadi-emosi

Daripada aspek psikologi pelajar, tuntutan yang perlu dipenuhi oleh pelajar adalah seperti kestabilan emosi, pengawalan perasaan dan fikiran, tekanan, dan keimbangan.

(f) Pelajar

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih (1998), pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihalan pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa atau separuh masa daripada atau di sesuatu institusi pendidikan. Di dalam kajian ini, pelajar adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa yang menginap di Kolej Kediaman UTHM. Di dalam kajian ini, pelajar ialah pelajar antarabangsa yang berasal dari negara luar yang belajar di UTHM serta menginap di Kolej Kediaman UTHM. Pelajar ini terdiri daripada negara Somalia, Sudan, Yaman, Libya dan Iraq.

(g) Kolej Kediaman UTHM

Kolej kediaman pelajar sebagai merujuk kepada tempat kediaman siswa dan siswi Universiti Teknologi (Cheng, 2000). Kolej kediaman bermaksud tempat

tinggal pelajar yang disediakan oleh pihak pengurusan universiti. Sama ada kolej yang terletak di dalam kampus dan luar kampus. Kolej tersebut ialah Kolej Kediaman Tun Dr Ismail, Kolej Kediaman Tun Fatimah, Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Perwira, Kolej Kediaman Taman Kelisa dan Melewar, dan Kolej Kediaman Taman Universiti.

(h) Interaksi

Menurut Sayuti, et al. (2001), interaksi sosial ialah satu proses yang melibatkan perhubungan antara dua atau lebih individu atau kelompok. Interaksi sosial ini dirujuk kepada perhubungan di antara kaum dari pelbagai etnik.

(i) Keselesaan Interaksi

Merupakan suatu perasaan kesenangan dan kepuasan perasaan yang diperolehi hasil daripada aktiviti fizikal yang reaks dan bebas dari kesakitan serta tidak mengalami sesuatu yang mengecewakan. Oleh itu keselesaan interaksi adalah mengambarkan tentang kesenangan dan tanpa kerisauan individu untuk menjalin hubungan dengan individu lain atau kelompok, organisasi dan komuniti.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan kajian yang telah dijalankan mengenai kategori masalah yang dihadapi serta budaya interaksi pelajar antarabangsa di kolej kediaman. Bahagian ini mengambil kira kajian-kajian yang lepas yang telah dijalankan sama ada di luar negara mahupun di Malaysia meliputi teori dan konsep kajian untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji.

Apabila membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa, boleh ubah seperti masalah penyesuaian, kewangan, perhubungan sosial, akademik, keluarga dan sebagainya akan saling berkaitan dengan kehidupan pelajar. Oleh yang demikian, pengkaji memfokuskan dalam beberapa topik antaranya ialah;

- (i) Permasalahan pelajar
- (ii) Kolej Kediaman UTHM
- (iii) Budaya interaksi
- (iv) Hubungan antara kaum
- (v) Kajian permasalahan pelajar berdasarkan ciri demografi

#### **2.2 Permasalahan pelajar**

Kajian mengenai masalah penyesuaian pelajar universiti bukan sahaja menarik minat ramai pengkaji Barat malah pengkaji-pengkaji di Asia Tenggara. Perkataan masalah merujuk kepada suatu keadaan, situasi atau pengalaman yang boleh memberi kesan

kepada ketidak seimbangan seseorang individu dari aspek emosi, pemikiran, tindakan dan adakalanya fizikal (Compton, Gallaway & Cournoyer, 2005). Kehadiran masalah secara langsung boleh menolak atau memotivasi seseorang individu untuk bergerak ke hadapan terutamanya dari aspek pemikiran dan tindakan yang boleh memberi jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi. Penyesuaian melibatkan dua aspek iaitu penyesuaian psiko-sosial dan penyesuaian sosial.

Barbiction (1961) dalam kajiannya menegaskan penyesuaian psiko-sosial melibatkan perkara-perkara yang berhubungan dengan perasaan diri seseorang dalam menghadapi sesuatu persekitaran baru. Penyesuaian sosial pula melibatkan tiga proses iaitu akomodasi, asimilasi dan integrasi. Akomodasi merupakan usaha mengubahsuaikan kelakuan, kebiasaannya dengan keadaan yang baru untuk mewujudkan sesuatu keadaan yang harmoni. Asimilasi ialah proses penyesuaian diri dengan seorang lain dan persekitaran baru bagi memperolehi dan melengkapi cara berfikir dan bertingkah laku dengan kumpulan lain. Integrasi pula melibatkan proses di mana individu memastikan dirinya telah diterima oleh masyarakat baru.

Manusia berhadapan dengan perubahan pada diri dan mengalami proses penyesuaian. Tiga peringkat perkembangan yang dilalui oleh manusia iaitu kanak-kanak, remaja dan dewasa. Peringkat remaja dianggap sebagai satu masa peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada dewasa. Masa ini juga dikatakan sebagai masa yang amat kompleks kerana pelbagai jenis masalah berlaku seperti perubahan pada diri, mental, kehidupan, dan berbagai lagi (Mohamed, 1990). Menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan ini memerlukan bimbingan dengan diberikan kesedaran bahawa apa yang berlaku itu adalah secara semula jadi dan dialami oleh semua orang.

Pelajar-pelajar yang memasuki universiti terutamanya berada di peringkat remaja dan awal dewasa. Pada peringkat ini mereka berada dalam proses mencapai kematangan dan kedewasaan. Pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi terutama apabila berlaku perubahan baru kepada diri pelajar selepas sahaja melangkah masuk ke universiti. Adakalanya berlaku kejutan budaya kepada para pelajar baru dan jika tersalah langkah akan memberi kesan negatif kepada mereka. Pelajar-pelajar di kolej terdedah kepada masalah-masalah psikologi kerana mereka sering bersemuka dengan situasi yang belum pernah mereka alami dan berpotensi untuk disalah tafsir. Mereka mengalami satu keadaan peralihan yang merupakan tekanan semasa memulakan

kehidupan di kampus. Mereka kehilangan keluarga, rakan-rakan dan persekitaran yang biasa dan pihak kolej tidak dapat menyediakan pengganti. Cabaran dan perubahan ini menyebabkan mereka secara paksa perlu menyesuaikan diri dengan perubahan baru ini. Sebagaimana yang diutarakan oleh (Derlega & Janda, 1986) penyesuaian ialah satu proses. Sebagai satu proses, penyesuaian adalah melibatkan perkara-perkara berikut:-

- (i) Mempelajari dan memahami diri sendiri, masyarakat, dan persekitaran
- (ii) Menggunakan kefahaman untuk menetapkan matlamat yang realistik
- (iii) Menggunakan keupayaan sendiri untuk mengawal persekitaran untuk membolehkan kita mengekalkan matlamat
- (iv) Sensitif kepada keperluan dan mengambil berat tentang orang lain, dengan itu kita dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada orang lain.

Pruitt (1978) dalam kajiannya mendapati masalah yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar baru yang berpindah ke suatu tempat baru, sedikit sebanyak atau kesemua pelajar akan menghadapi kejutan budaya. Ini terhasil akibat perbezaan bahasa, makanan dan iklim yang baru, peraturan-peraturan baru dalam perhubungan individu, dan penurunan status sosial yang ketara. Mereka perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan belajar cara belajar yang berbeza daripada yang telah dilalui semasa dalam alam persekolahan. Seseorang pelajar akan kekal di universiti jika beliau dapat bergabung dengan corak pembelajaran dan sosial di universiti (Eaton & Bean, 1995). Menurut Strang (1937) masalah yang dialami oleh pelajar telah dibahagikan kepada lima kumpulan.

- (i) Masalah intelek dan persepsi yang berkaitan dengan salah suainya mental dan emosi.
- (ii) Masalah fizikal seperti kekurangan atau gangguan pada mana-mana fungsi fizikal.
- (iii) Masalah emosi yang boleh diklasifikasikan oleh simptom seperti kemurungan, kebimbangan, rendah diri, keletihan dan mudah marah.
- (iv) Masalah sosial seperti keterikatan atau perlanggaran adat.
- (v) Masalah ekonomi dan vokasional seperti pemilihan kerjaya, kekurangan kemahiran, pengetahuan dan kewangan.

### **2.2.1 Kajian dalam negara**

Satu seminar telah diadakan di Universiti Malaya pada 11 hingga 16 Disember 1967 yang khusus membincangkan masalah-masalah pelajar di universiti-universiti di Asia Tenggara (Chatar Singh, 1969). Banyak kajian telah menunjukkan masalah penyesuaian yang serius yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sama ada pelajar sekolah menengah atau institusi pengajian tinggi. Antara masalah utama yang disenaraikan ialah masalah penyesuaian terhadap kerja akademik dan pemilihan kerjaya, masalah kewangan dan keluarga, masalah akhlak dan agama, masalah kesihatan dan perkembangan fizikal, masalah penyesuaian sosial dan emosi, masalah seks dan percintaan serta masalah kurikulum dan kaedah pengajaran.

Hasil kajian Seng (1996), ke atas pelajar-pelajar Lanjutan Pengajian Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, mendapati kategori masalah yang banyak mengganggu pelajar-pelajar ini ialah masalah kewangan dan masalah sosial dan pengajian. Pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi lebih mudah berhadapan dengan penyesuaian akademik berbanding penyesuaian sosial dan emosi. Keupayaan remaja menangani isu-isu penyesuaian sosial dan emosi, dan seterusnya membina hubungan melalui pergaulan yang sihat banyak dipengaruhi oleh pertautan dengan ibu bapa semasa kecil (Mahmud, Mohd Ishak & Syafril, 2004). Menurut Ibrahim (1982), secara umumnya, masalah pelajar terbahagi kepada empat kategori besar iaitu akademik, peribadi, kerjaya dan kesihatan.

Masalah akademik meliputi aspek-aspek seperti kegagalan dalam peperiksaan, pengetahuan asas yang tidak mencukupi, teknik belajar yang salah dan sebagainya. Masalah peribadi merangkumi perkara-perkara tekanan jiwa, konflik remaja, masalah perhubungan, kewangan dan keyakinan diri. Masalah kerjaya bisanya adalah di sekitar peluang pekerjaan dan kesesuaian diri dalam satu-satu pekerjaan. Masalah kesihatan pula berkisar kepada aspek perubatan. Chan (2006), telah menganalisis masalah yang dihadapi oleh di Sekolah Menengah Taman Universiti, Skudai, Johor mendapati masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ialah masalah keluarga dan rumah tangga, kesihatan dan fizikal dan akademik serta kerjaya, masalah kewangan dan kehidupan, sosial dan hiburan, hubungan sosial psikologi, penyesuaian kerja, perkahwinan dan seks, psikologi, moral dan agama serta kurikulum dan kaedah pengajaran.

Manakala Muss (1969), meletakkan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi di dalam satu peringkat khas iaitu peringkat situasi pinggir (*marginal situation*) kerana menurutnya remaja sedang mencari suatu penyesuaian sosial dan psikologi. Antaranya, mereka sedang mencari satu identiti terutamanya dalam mematangkan diri dalam dunia sebagai seorang pelajar dan mula berdikari bagi menghadapi suasana di luar kampus. Tegasnya, setiap individu terutamanya golongan pelajar di institusi pengajian tinggi menghadapi berbagai masalah. Masalah ini dikatakan berbeza mengikut tahap perkembangan seseorang individu. Menurut Tan (1972), pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi menghadapi masalah dalam hal yang berhubung dengan budaya, khususnya keadaan sosial sesebuah negara dan ini berkaitan dengan sistem pelajaran, sikap masyarakat dan keadaan di institusi pengajian tinggi.

Sementara Nair (1972), pula mengatakan pelajar-pelajar universiti cuba belajar menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran fizikal, sosial, intelektual dan aktiviti-aktiviti yang terdapat di universiti. Masalah yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar baru yang berpindah ke suatu tempat baru, sedikit sebanyak akan menghadapi kejutan budaya. Kajian Yahya (2000), ke atas 362 orang pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kinta pula mendapati kategori masalah pelajaran dan kerjaya, masa depan, moral dan agama, kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan adalah masalah yang paling mengganggu pelajar-pelajar tersebut. Kategori masalah dengan demografi jantina, tingkatan dan aliran, keputusan menunjukkan bahawa kategori masalah yang paling mengganggu pelajar adalah pelajaran dan kerjaya masa depan (12.4%), moral dan agama (11.4%) dan kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan (10.4%).

Hasil kajian yang dijalankan oleh Tulka (1977), ke atas pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan pula mendapati kategori masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Sarjana ialah masalah kesihatan dan kewangan (masing-masing 47.5%), diikuti hiburan (46.5%). Kategori masalah mengikut demografi pula menunjukkan pelajar lelaki paling tinggi menghadapi masalah kesihatan (62.6%) berbanding pelajar perempuan (34.36%). Manakala kategori masalah dengan kursus yang ditawarkan menunjukkan pelajar yang mengikut kursus Teknologi Pendidikan mengalami masalah yang tertinggi dalam kategori masalah kesihatan (17.2%), seterusnya Kursus Pengurusan dan Pentadbiran dalam Pendidikan (13.1%) serta Kursus Bimbangan dan Kaunseling dalam Pendidikan (12.1%).

Sementara itu Said (2004) yang juga membuat kajian tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar remaja yang tinggal di asrama sebuah sekolah menengah teknik di Kelantan. Ia mendapati empat masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dalam bidang pelajaran iaitu sukar memahami buku teks, tidak tahu cara belajar berkesan, mendapat markah yang rendah, dan sukar memahami pengajaran guru. Kemudian diikuti dengan masalah fizikal dan sosial, dan masalah kehidupan di asrama. Penyesuaian akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi akademik. Ini bermakna pelajar yang mempunyai penyesuaian akademik yang baik akan lebih bermotivasi terhadap tugas akademik (Beyers & Goossens, 2002).

Hasil kajian Chiam (1976) terhadap pelajar sekolah menengah menunjukkan bahawa ramai pelajar menghadapi masalah perhubungan peribadi-psikologi dan perhubungan sosial-psikologi. Masalah utama bagi pelajar sekolah menengah adalah masalah personal-psikologi dan masalah ini bukan sahaja dialami oleh pelajar sekolah menengah di Malaysia tetapi merupakan masalah menyeluruh bagi pelajar yang dalam peringkat sekolah menengah seperti di Mesir, Fiji dan juga Kanada. Kajian Supraniam (1981) juga menyokong kajian-kajian yang terdahulu dan menunjukkan pelajar sekolah menghadapi masalah emosi, sosial dan psikologi. Hal ini turut berlanjutan sehingga mereka meneruskan pengajian ke peringkat pengajian tinggi.

### **2.2.2 Kajian luar negara**

Othman (1980), dalam kajiannya menegaskan banyak kajian tentang masalah pelajar kolej atau universiti telah dijalankan di Amerika Syarikat di sepanjang beberapa dekad yang lalu. Dapatkan kajian ini selari dengan apa yang dilaporkan oleh (Chan, 2006), di mana kajian tentang permasalahan di kalangan pelajar telah mula dikaji sejak tahun tiga puluhan lagi di luar negara. Beberapa teknik telah digunakan di kalangan pengkaji seperti temu duga dan soal selidik untuk mengetahui masalah-masalah pelajar. Kajian Suradi Salim (1985) terhadap pelajar Malaysia di salah sebuah universiti di Amerika Syarikat juga menunjukkan bahawa ramai pelajar mengalami masalah penyesuaian sosial dan akademik.

Mooney (1950), menyenaraikan 11 kategori masalah yang biasanya dikenal pasti oleh pelajar iaitu masalah keluarga, penyesuaian terhadap kerja sekolah,

kewangan dan kehidupan, sosial dan hiburan, perkahwinan dan seks, agama dan moral, kesihatan dan fizikal, perhubungan sosial-psikologi, peribadi dan emosi, akademik dan kerjaya dan akhir sekali masalah kurikulum dan kaedah pengajaran. Hasil kajian Heikinheimo dan Shute (1986), ke atas pelajar luar negara yang berada di negara Kanada pula mengenal pasti masalah yang dihadapi adalah seperti kemahiran berbahasa, isu akademik, perbezaan budaya, diskriminasi kaum dan hubungan mereka dengan penduduk Kanada.

Manakala (Mooney & Gordon, 1942), menggunakan senarai semakan masalah terhadap 600 orang pelajar sekolah tinggi mendapati masalah yang paling tinggi dihadapi ialah masalah pelajaran dan kerjaya masa depan, masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, dan masalah penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah. 11 kategori masalah ini terkandung dalam *Mooney Problem Check List* atau Senarai Semak Mooney. Ianya banyak digunakan oleh penyelidik lain sehingga hari ini. Hasil kajian Adelgan dan Parks (1985), dalam kajiannya mendapati bahawa masalah yang dihadapi di kalangan pelajar Afrika adalah pengangkutan, hubungan sosial, makanan, kesunyian, penempatan penyesuaian dengan nilai moral, iklim, sumber bekalan makanan dan muzik negara mereka.

Manakala Ye (1993) membuat kajian terhadap pelajar-pelajar cina di University of Nebraska-Lincoln mendapati pelajar menghadapi masalah dalam bahasa, akademik, peribadi, sosial, budaya dan bantuan kewangan, kajian yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar Indonesia di University of Guelph Canada mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah dalam bahasa, budaya, tekanan, akademik dan sosial (Sodjakusumah & Everts, 1996). Heikinheimo dan Shute (1986) dalam kajiannya menerangkan pelajar luar negara yang berada di negara Kanada pula dikena pasti mempunyai masalah seperti kemahiran berbahasa, isu akademik, perbezaan budaya, diskriminasi kaum dan hubungan mereka dengan penduduk Kanada.

Menurut Moss (1963), melalui kajian kesnya mendapati kebanyakan mahasiswa sentiasa takut kepada kegagalan serta bimbang jika tidak memperoleh markah yang tinggi dalam setiap ujian atau tidak tahu bagaimana untuk mencapai kejayaan akademik cemerlang. Beliau mendapati bahawa 70 peratus daripada 1350 orang pelajar menyatakan kerisauan jika pensyarah mereka tidak memahami masalah yang mereka hadapi. Keadaan ini menunjukkan pelajar sentiasa tidak yakin kepada diri sendiri. Guglu (1993), menegaskan pelajar-pelajar siswazah luar negara di

University of Pittsburgh mengalami masalah dalam bahasa Inggeris, kewangan, kesihatan, akademik, kemasukan, sosial, makanan dan tempat tinggal, dan agama.

Hasil kajian Parson (1991), ke atas masalah penyesuaian pelajar-pelajar siswazah di Universiti Lehigh, Pennsylvania mendapati masalah penyesuaian yang utama ialah kewangan diikuti dengan keperluan untuk meneruskan hubungan profesional apabila kembali ke tanah air masing-masing dan masalah yang ketiga ialah akademik, yang berkaitan dengan kefasihan bahasa dan kemahiran komunikasi. Keperluan maklumat dan aktiviti sosial-budaya tidak merupakan masalah yang utama.

### **2.3 Pelajar antarabangsa**

Kebanjiran dan peningkatan bilangan pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian di Malaysia semakin ketara. Contohnya bilangan pelajar luar negara yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun 2009 adalah meningkat seramai 63,000 orang (Manan, Mahamod dan Embi, 2010). Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan peraturan-peraturan Terpilih (1998), pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihalan pendidikan, pengajaran atau latihan sepenuh masa atau separuh masa daripada atau di sesuatu institusi pendidikan. Manakala Zakaria (2002), menegaskan melalui kajiannya bahawa pelajar ialah orang yang memperoleh ilmu pengetahuan, menuntut ilmu atau menjalani latihan.

Pelajar antarabangsa pula merujuk kepada pelajar luar negara yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Tun Hussein Onn. Di dalam kajian ini, pelajar adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa yang menetap di kolej kediaman di sekitar Universiti Tun Hussein. Mereka berasal dari beberapa buah negara yang berbeza, oleh itu mereka mempunyai latar belakang serta budaya yang berbeza. Banyak kajian sama ada di dalam atau luar negara menunjukkan pelajar antarabangsa menghadapi masalah seperti masalah di tempat kerja, masalah keluarga dan masalah kehidupan jika tidak mempunyai daya tindak yang baik akan memberi kesan mendalam kepada individu yang mengalaminya. Apa yang paling penting ialah bagaimana pelajar antarabangsa dapat bertindak terhadap masalah-masalah yang dihadapi di samping mempunyai sistem bantuan dan sokongan yang baik (Hushin & Mahmud, 2010).

## 2.4 Kolej Kediaman UTHM

Kolej kediaman berperanan memberikan perkhidmatan penginapan dan kemudahan pelajar. Sejak penubuhan kolej kediaman hingga kini, perkhidmatan penginapan adalah meliputi penyediaan bilik-bilik pelajar yang lengkap dengan peralatan dan perabot yang sesuai. Bilik penginapan ditawarkan kepada semua pelajar UTHM sama ada di peringkat prasiswazah mahupun pascaijazah. Mat Hassan (2000), menjelaskan melalui kajiannya bahawa kolej kediaman merupakan tempat penginapan dalam kampus sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dalam tempoh tertentu sepanjang pengajian mereka, pelajar akan menghabiskan masa dan membesar dalam persekitaran rakan sebaya di peringkat umur peralihan dari alam remaja ke alam dewasa. Penginapan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) disediakan sejak wujudnya universiti di negara kita lagi (Christopher, 1990).

Menurut beliau di peringkat awal terdapat sistem asrama yang menawarkan bilik-bilik standard dan berkongsi ramai bagi para pelajar dengan kemudahan tempat makan termasuk penyediaan makanannya sekali. Di samping itu keselamatan pelajar juga diberikan perhatian. Kolej kediaman pelajar sebagai merujuk kepada tempat kediaman siswa dan siswa Universiti Tun Hussein Onn, Parit Raja, Johor. Kolej kediaman pelajar dibahagikan kepada enam buah kolej yang dibina di dalam dan di luar kampus. Kolej yang dibina dalam kampus Universiti Tun Hussein Onn ialah Kolej Kediaman Tun Dr Ismail (KKTDI), Kolej Kediaman Tun Fatimah (KKTF), Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN), Kolej Kediaman Melewar, Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Taman Universiti (KKTU).

Kolej kediaman memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang ke arah proses pembelajaran dan perkembangan kognitif pelajar. Oleh itu kolej kediaman pelajar mampu menjadi pusat pembangunan dalam membentuk sahsiah dan disiplin pelajar yang akan diteruskan di alam pekerjaan nanti. Kesan kolej kediaman dianggap penting kerana persekitarannya mempengaruhi kesejahteraan dan kesihatan seseorang pelajar serta sebahagian besar daripada perbelanjaan pelajar digunakan kepada tempat penginapan (Murrell & Denzine, 1998). Selain itu juga, Abdul Latif (2001) menyatakan bahawa kolej kediaman pelajar dilihat sebagai pusat pembinaan insan dan disiplin pelajar dalam sistem pendidikan universiti untuk meningkatkan kualiti hidup pelajar.

Oleh itu aspek disiplin dan penginapan mempunyai peranan penting yang seiring untuk membangunkan pelajar secara keseluruhannya. Kedua-dua komponen ini perlu saling melengkapi antara satu sama lain. Fungsi kolej kediaman ialah untuk menjaga kebajikan mahasiswa, memberi perkhidmatan, menyediakan kemudahan dan keperluan untuk mencapai matlamat-matlamat kolej. Antara fungsi asas kolej kediaman ialah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan penginapan, menjaga kualiti dan perkhidmatan pemakanan yang disediakan dan akhir sekali menyediakan kemudahan pelajaran yang kondusif. Manakala Zainal (1996), dalam kajiannya menerangkan kolej kediaman merupakan satu kemudahan yang seharusnya digunakan oleh para pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik mereka kerana kemudahan dan peraturan yang ada dapat menyemai bibit keilmuan dalam jiwa para pelajar di kolej kediaman.

Dengan adanya kemudahan kolej kediaman akan dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang berkualiti di samping mempunyai ciri-ciri peribadi yang positif. Peranan pihak pentadbiran amatlah penting dalam membentuk pembangunan diri pelajar seterusnya menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam akademik dan sosial. Pengetua kolej kediaman memainkan peranan yang penting di dalam menentukan kelancaran dan keberkesanannya sama ada pentadbiran kolej mahupun aktiviti kolej. Maju ataupun mundurnya sesebuah kolej kediaman adalah bergantung kepada sikap serta kesungguhan pihak pentadbiran di dalam menjayakan segala perancangan yang telah di rangka.

Dakwaan di atas telah diperkuatkan lagi menerusi kajian Mohd Jefry (2003), iaitu pengurusan asrama merupakan aspek penting dalam mewujudkan pembangunan pelajar sekolah berasrama kerana para pelajar tersebut menetap di asrama sepanjang sesi persekolahan. Justeru itu pentadbir asrama bukan sahaja berperanan untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa dan selamat, tetapi sebagai pusat pengembangan ilmu serta pembinaan sahsiah yang baik. Segala perbincangan di atas membuktikan bahawa proses pembangunan pelajar perlu seiring berganding bahu dengan pengurusan pihak pentadbiran sesebuah kolej kediaman. Pihak pentadbiran seharusnya dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam memberikan kepuasan perkhidmatan kepada para penghuni kolej kediaman.

Menurut Shuhana (2007), kolej kediaman merupakan bangunan yang menyediakan kemudahan tempat tinggal bagi para pelajar. Ia dikendalikan seolah-olah seperti rumah di mana setiap satunya berfungsi sebagai satu set bilik awam untuk tinggal, makan, belajar dengan dikelilingi oleh bilik tidur yang diletakkan

berkelompok dengan bilik air. Kolej kediaman pelajar yang berkesan mempunyai beberapa komponen penting. Sama ada berkonsepkan asrama untuk tinggal sahaja atau kolej kediaman yang bertujuan untuk memberikan peluang untuk pembangunan pelajar yang lebih menyeluruh.

Hasil kajian Hasnul (2002) pula menjelaskan melalui kajiannya bahawa kemantapan minda pelajar di samping daya usaha yang terjelma dalam diri pelajar adalah bakal menjadi harapan negara untuk menghadapi era akan datang. Usaha untuk mencapai matlamat dijalankan dengan beberapa aktiviti yang membina dan perlu dirancang serta dikelolakan oleh para pelajar dan juga kakitangan kolej kediaman. Aktiviti yang beraneka corak dalam pelbagai bidang hendaklah disertai oleh segenap lapisan pelajar dan juga kakitangan kolej kediaman. Penyertaan yang rapi amat penting agar setiap pelajar dan kakitangan mendapat manfaat yang maksimum.

Dalam kajian ini, kolej kediaman merujuk kepada enam kolej utama di UTHM yang menempatkan pelajar antarabangsa sepanjang tempoh pengajian mereka iaitu Kolej Kediaman Tun Dr Ismail, Kolej Kediaman Tun Fatimah, Kolej Kediaman Tun Syed Nasir, Kolej Kediaman Melewar, Kolej Kediaman Perwira dan Kolej Kediaman Taman Universiti. Matlamat institusi ini secara khusus ialah bertujuan untuk mewujudkan dan memainkan peranan membantu memperkembangkan elemen-elemen psikologi, sosiologi, fizikal dan kerjaya para penghuninya ke arah pencapaian kendiri, masyarakat serta aspirasi negara. Kolej Kediaman terbahagi kepada dua iaitu kolej kediaman di dalam kampus dan di luar kampus.

#### **2.4.1 Hubungan dengan rakan sebilik**

Penempatan kolej kediaman mengikut klasifikasi tertentu (*residential group*) juga berupaya meningkatkan prestasi akademik dan kualiti antara perseorangan (*interpersonal quality*) dalam kehidupan kampus pelajar. Kajian eksperimen yang menempatkan pelajar kolej kediaman mengikut program pengajian didapati boleh mempengaruhi pencapaian akademik secara positif (Pascarella dan Terenzi, 1991). Hasil kajian Feldman (1992), melaporkan kesan penempatan yang sedemikian lebih berpunca daripada faktor rakan sebaya. Ini kerana pelajar bukan sahaja lebih cenderung untuk berinteraksi lebih kerap dengan pelajar dalam bidang yang sama di

kolej kediaman yang sama, mereka juga lebih cenderung memilih kawan rapat di kolej kediaman yang sama.

Hubungan sosial dengan teman sebaya akan membina budaya tertentu dalam kehidupan remaja. Hubungan sosial yang sihat dan baik boleh menghasilkan pelbagai kemahiran seperti kemahiran sosial, kemahiran penyesuaian diri, sikap bekerjasama dan hormat menghormati (Papalia dan Olds, 1978). Sebaliknya, kumpulan teman sebaya yang tidak sihat akan meruntuhkan sifat dan perwatakan yang positif. Kumpulan rakan sebaya banyak mempengaruhi keputusan remaja kerana hubungan positif antara persepsi remaja dengan persepsi rakan sebaya.

#### **2.4.2 Hubungan dengan staf-staf kolej kediaman**

Staf-staf kolej kediaman merupakan pihak yang penting dalam menjadikan kolej kediaman sebagai tempat penginapan pelajar yang selesa dan selamat. Staf kolej kediaman merangkumi keselamatan, kebersihan dan penguatkuasaan undang-undang. Staf-staf ini telah dilatih dalam pelaksanaan perancangan pengurusan dan kaedah penyelesaian konflik. Untuk memastikan persekitaran kolej kediaman selamat untuk didiami oleh pelajar, pegawai keselamatan telah dilatih tentang keselamatan persekitaran dan keselamatan diri. Persekitaran kolej kediaman yang terurus dan selamat akan memberikan keselesaan kepada pelajar dan seterusnya pelajar akan berasa selamat untuk meneruskan kehidupan dalam kolej kediaman tersebut.

#### **2.4.3 Persekutaran kolej kediaman**

Seperti yang kita sedia maklum kesan daripada persekitaran pastinya dapat mengubah persepsi pelajar yang pada awalnya datang daripada budaya kehidupan berbeza. Persekitaran kolej kediaman yang selesa dan selamat akan memberikan kesan positif kepada pelajar. Pelajar akan berasa selesa dengan keadaan kolej kediaman yang bersih dan kemas. Suasana ini akan mempengaruhi pelajar untuk meneruskan pembelajaran dan seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dan pembentukan disiplin pelajar tersebut. Keselamatan kolej kediaman juga perlu diambil kira. Pelajar akan lebih selesa untuk belajar sekiranya yakin akan keselamatan di persekitarannya. Pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi juga

dapat membantu proses pembelajaran pelajar (Zainur, 2005). Maka, persekitaran kolej kediaman perlu diberi perhatian bagi memberikan tempat penginapan yang selesa dan selamat kepada pelajar universiti. Apabila kolej kediaman yang disediakan kepada pelajar berada dalam keadaan selesa dan selamat, pelajar tidak lagi akan menyewa penginapan daripada pihak luar. Ini akan mengurangkan masalah sosial pelajar seterusnya dapat mewujudkan pelajar yang cemerlang akademik dan sahsiahnya.

## 2.5 Budaya interaksi

Universiti sebagai satu wadah berinteraksi dalam satu komuniti ilmu pengetahuan. Malah Universiti di jadikan wadah yang mana bukan hanya ilmu tetapi kemahiran insaniah yang berguna seperti komunikasi, kepimpinan, kemahiran komputer, keterampilan berorganisasi, pembinaan sahsiah dan rupa diri. Dalam konteks dialog peradaban Universiti adalah tempat penting yang mana pelajar mempelajari budaya dan pengalaman kehidupan beragama, budaya, adat dan tamadun bangsa orang lain selain daripada lingkungan sendiri dan masyarakatnya. Menerusi perbincangan, pertukaran, fikiran, interaksi ilmu pengetahuan dalam kuliah dan di asrama, pelajar dapat melalui proses sosialisasi yang berterusan dan secara tidak langsung ianya akan asimilasi dengan proses semula jadi yang akan menimbulkan reaksi berbagai sikap positif dalam perhubungan sosial. Pastinya proses ini akan mewujudkan interaksi dan akomodasi di antara mereka yang harus dijadikan sebagai satu proses yang berterusan agar menjadi satu kebiasaan yang akan menjadi satu budaya yang mantap.

Hasil kajian Taib (1984), mendapati darjah interaksi tinggi hanya wujud sesama etnik jika dibandingkan dengan kadar interaksi antara etnik. Interaksi sesama etnik banyak didorong faktor pembelajaran seperti berbincang mengenai pelajaran atau menyiapkan tugas. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui kadar interaksi di kalangan pelajar pelbagai kaum di tiga buah Universiti. Dalam kajian ini turut menyatakan bahawa kebanyakan kajian hubungan etnik menunjukkan faktor interaksi berkait rapat dengan kadar integrasi. Kadar integrasi dalam satu-satu komuniti ditentukan oleh faktor sama ada ahli-ahli komuniti itu berpeluang untuk berinteraksi dengan ahli-ahli kaum lain. Menurut beliau para pelajar yang berada di kampus mempunyai peluang dan kebebasan untuk bercampur gaul antara satu sama yang lain. Sekiranya para pelajar tidak menggunakan peluang yang sedia ada untuk

## **RUJUKAN**

- Abdullah, M. C., Elias. H, Mahyuddin, R., & Uli, J. (2006). *Masalah Penyesuaian: Punca Pelajar Gagal Menyempurnakan Pengajian Di Universiti*. National Student Development Conference (NASDEC).
- Abd. Manan, F., Embi, M. A. & Mahamod, Z. (2010). Kerangka Pembangunan Dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2). pp. 64-76. ISSN 1985-5826
- Abdul Ghafar , M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Edisi Pertama. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Adelgan, F. and Parks, D. (1985). Problems of Transition For African Students In An American University. *Journal of College Student Personnel*, 26: 504-508.
- Ahmad, J. & Weerakkody, N. (2011). Komunikasi Budaya Silang, Kompetensi, Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. pp. 36 (1): 45-53.
- Aiken, L. R. (1980). *Content Validity and Reliability of Single Items or Questionnaires*. Educational And Psychological Measurement, 40, 955-959.
- Akta Pendidikan (1996) (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih (1998). Susunan oleh Lembaga Penyelidikan Undang-Undang Kuala Lumpur International Book Servis.
- Andersen, L. Bryce, Spencer, Patricia A., (1963). Personal Adjustment And Academic Predictability Among College Freshmen. *Journal of Applied Psychology*, Volume 47 (2): 97
- Ariffin, S. R. (2008). *Inovasi Dalam Pengukuran & Penilaian Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

- Arkoff, A. (1968): Adjustment And Mental Health, New York: McGraw-Hill.
- Baker, R. W., & Siryk B. (1989). *Student Adaptation to College Questionnaire Manual*. Los Angeles, CA: Western Psychological Services.
- Baker, R. W., & Siryk B. (1999). *SACQ: Student Adaptation To College Questionnaire Manual (Edisi Ke-2)*. Los Angeles: Western Psychological Services.
- Beudin, J. A dan Halpern, D. M (1997). Mass Appeal. *Journal Of American School And Universiti*. 70 (1). 40-43.
- Beyers, W., & Goossens, L. (2002). Concurrent and Predictive Validity of the Student Adaptation to College Questionnaire In A Sample of European Freshman Students. *Educational & Psychological Measurement*, 62, 527-538.
- Bond, T. G. & Fox, C.M (2007). *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. USA: Lawrence Erlbaum Associates. Mahwah, New Jersey. London.
- Bryman, A & Bell, E. (2003). *Business Research Methods*. Oxford: Oxford University.
- Chan, L.S (2006). *Pengenalanpastian Jenis-Jenis Masalah Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Dan Cara Mengatasinya Masalah Pelajar*. Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan, Skudai, Johor. Universiti Teknologi
- Cheng, Z. F. (2000). *Persepsi Dan Sikap Mahasiswa Terhadap Aktiviti Kolej Kediaman Pelajar*; Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Malaysia. Laporan Projek Sarjana Muda.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: McGraw Hill.
- Cohen, L., Manion, I. & Morrison K (2000). *Research Methods In Education*. (5th Edition)
- Compton, B., Gallaway, B., & Cournoyer, B. R. (2005). *Social Work Processes of 7th edition*. CA: Brooks Cole, pp. 349-360.
- Cooper, D. R. dan Schindler, P. S (1998). *Business Research Methods*. 6th Edition Irwin/ Mc Grsm Hill.
- Crow dan Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Derlega, V. J. and Janda, L. H., (1986). *Personal Adjustment: The Psychology of Everyday Life (3rd ed)*. USA: Harper Collins Publishers.
- Eaton, S. B., & Bean, J. P. (1995). An Approach/Avoidance Behavioral Model of College Student Attrition. *Research in Higher Education*, 36, 617-645.
- Fowler, C. (1998). *Introduction To Research Method*. (Edisi 4). Australia: Longman.
- Gay, L. R. dan Airasian, P. (2003). Educational research: *Competencies for Analysis and Applications*. Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.
- George, D., & Mallery, P. (2009). SPSS For Windows Step By Step: A Simple Guide And Reference, 16.0 (9th ed.). Boston: Pearson.
- Gliem, J. and Gliem, R. Calculating, Interpreting, and Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient for Likert-Type Scales // *Midwest Research to Practice Conference in Adult, Continuing, and Community Education*. 2003. 82 – 88.
- Gregory, R. J. (1996). *Psychological Testing: History, Principles and Applications* (2nd Edition). Toronto: Allyn and Bacon
- Guclu, N. (1993). *A Study To Identify and Analyze International Graduate Students' Adjustment Problems at The University Of Pittsburgh*. Tesis Ph.D.
- Fox, C.M & Jones, J.A. (1998). Use of Rasch Modeling in Counseling Psychology Research. *Journal of Counseling Psychology* 45(1): 30-45.
- Hamachek, D. (1995). Self-Concept and School Achievement: Interaction Dynamics and A Tool For Assessing The Self-Concept Component. *Journal of Counseling & Development*. 73 (4), 419-426.
- Hassan, A. dan Mohd, A. (2000). *Komunikasi Untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Haydon, L. (2003). Meeting The Needs of International Students At Dominican University of California. Unpublished Master's Thesis, Dominican University of California, San Rafael.
- Heikinheimo, P. S. & Shute, J. C. M. (1986). *The adaptation of foreign students: Student views and institutional implications*. Journal of College Student Personnel, 27, 399-405.
- Huang, K. (1977). Campus Mental Health: The Foreigner at Your Desk. *Journal of American College Health Association*, 216- 219.

- Hushin, H. & Mahmud, N. (2010). *Tinjauan Kategori Masalah Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda.
- Husin (1986). *Masalah Pelajar-pelajar Melayu di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Perbandingan Antara Pelajar Tahun Pertama dengan Pelajar Tahun Kepujian*. (Latihan Ilmiah). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim, H. (1982). *Masalah-Masalah Penuntut Dan Peranan Pensyarah Dalam Mengurangkan Kesan Masalah Ini Ke Atas Pencapaian Mereka*. Kertas Kerja Kursus Pengajaran Universiti Teknologi Malaysia.
- Idris, N. (2010). *Tahap Kepuasan Pelajar Antarabangsa Terhadap Perkhidmatan Sokongan Di UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda.
- Ismail, R. (2003). *Penentuan Tahap Kesediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Maya*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Jou, Y. H. (1993). *The Comparisons of Social Support Between Chinese Students in Japanese students*. Bulletin of the Faculty of Education, Hiroshima University.
- Justice, J., & McLachlan, D. ( 2009). A Grounded Theory of International Student Well-Being. *Journal of Theory Construction & Testing*, 13, 27-31.
- Kamis. H, (1997). *Masalah Penyesuaian Pelajar-Pelajar Baru di Pusat Matrikulasi, Universiti Utara Malaysia*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Khamis, A., Yaakub, N. F., Shaari, A., Mohd. Yusoff, M. Z.(2002): *Adjustment To College Life and Academic Performance Among Universiti Utara Malaysia Students*. Laporan kajian yang tidak diterbitkan, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Khatelen, A.I. (1999). *An Examination Of Social Anxiety, Social Skill, Social Adjustment and Self-Construal In Chinese and American Student at An American University*. Department Of Psychology vol 38, no 1 pp 132.
- Keong, C. M. (2007). *Pola Masalah, Kecerdasan Emosi Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Di Sekolah Menengah*. EDD Dissertation: Universiti Putra Malaysia.
- Kerlinger, F. N and Lee, H. B (2000). *Foundations of Behavioral Research*. 4th Edition, New York: Holt, Rinehart and Winston.

- Kessler, R., and Mc Cleod, J. (1985). *Social Support and Mental Health in Community Samples*. In Cohen and Syme (Eds.) Social Support and Health. New York: Academic Press.
- Kline, T. J. B. (2005). *Psychological Testing: A Practical Approach to Design and Evaluation*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Konting, M. M. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Konyu-Fogel, G. (1993). *The Academic Adjustment of International Students by Country of Origin at a Land Grant University in the United States*. Unpublished PhD Thesis, West Virginia University, Morgantown.
- Lai Kuan Seng (1996). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Lanjutan Pengajian Pendidikan (LPP)*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Leedy, P. D. & Ormrod, J. E. (2005). *Practical Research: Planning and Design*. Edisi ke8. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Likert, R. (1974). *The Method of Constructing An Attitude Scale*. In: Marannell, G.M. (Ed.). Scales: Sourcebook For Behavioral Scientist. Aldine Publishing Company, Chicago, IL, 21-43.
- Linacre, J. M. (2005). *WINSTEPS: Multiple-Choice, Rating Scale, And Partial Credit Rasch Analysis*. Chicago: MESA.
- Lowenthal, K. M. (2001). *An Introduction To Psychological Tests and Scales*. 2nd Ed. Psychology Press, Philadelphia USA.
- Mack, D.E.& Tucker, Traci W.(1997). Interethnic Relation On Campus : Can't We All Get Along. *Journal of Multicultural Counseling and Development*, Vol. 25 Issue 4.
- Mahmud, Z., Mohd Ishak, N., & Syafril, S. (2004). Penyesuaian Akademik, Sosial, Dan Emosi Pelajar-Pelajar Di Kampus. *Jurnal Personalia Pelajar*. 8: 1-16.
- Man, M. (1997). *Masalah Penyesuaian di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Berasrama Penuh di Kedah*. Universiti Utara Malaysia : Tesis Sarjana.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.

- Mat Hassan, S. N, (2000). *Persepsi Mahasiswi Terhadap Kemudahan Asas Yang Disediakan Di Kolej Kediaman Pelajar UTM*; Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).
- Mendeng, J. (2004). *Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Tinjauan Persepsi Pelajar 3 Buah Sekolah Daerah Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Mohamed, B. et al. (2009). *Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mohamed, M. N. (1990) *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Noor, M., et al., (2001). *Kajian Arah dan Tahap Pencapaian Perpaduan Negara Di Insititusi Pengajian Tinggi, Malaysia*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia.
- Marger, Martin N. (2000). *Race and Ethnic Relations*. America and Global Perspectives. Wadsworth.
- Mooney, R. L. (1942). *Surveying High School Student's Problems by Means of Problem Checklist*. Educational Research Bulletinying, 22: 101 – 108.
- Mooney, R. L., & Gordon, L. V. (1950). *Manual of Mooney Problem Checklist 1950 Revisions*. (pp. 9). The Psychological Corp. New York.
- Mitchie, F., Glachan, M., & Bray, D (2001). An Evaluation of Factors Influencing The Academic Self Concept, Self-Esteem and Academic Stress For Direct and Re-Entry Students In Higher Education. *Journal of Educational Psychology*, 21(4), 455-472.
- Niebrzydowski, L. & Porcy, G. (1991). *School Adjustment of High Ability Students* (2) 2 139-145.
- Othman, A. H. (1986). *Beberapa Isu Mengenai Teori-Teori Kaunseling Barat Dan Implikasinya Terhadap Praktik Kaunseling Di Malaysia*. Majalah Psikologi 6, 21-34.
- Osman, A. (2001). *Cabarannya Dalam Pendidikan yang Dihadapi oleh Pelajar Sarjana: Tinjauan Ke Atas Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Di Kuittho*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Osman, S. (1989). *Ikatan Etnik dan Kelas Di Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia

- Parson, I. H. (1991). *A Study Of The Needs And Adjustment Problems of International Graduate Students At Lehigh University*, Lehigh University: EDD Dissertation.
- Pavel, S. (2006). Interaction Between International and American College Students: An Exploratory Study. *Mind Matters: The Wesleyan Journal of Psychology*, Vol. 1: 39-55.
- Pendar, J. N. (1987). *Selected Adjustment Problems of Cameroonian Students Pursuing Higher Education in The San Francisco Bay Area of Northern California*. University of San Francisco: EDD Dissertation.
- Pervin, L. A. (1967). A Twenty-college Study of Student College Interaction Using TAPE (Transactional Analysis of Personality and Environment): Rationale, Reliability and Validity. *Journal of Educational Psychology*, 58: 290-302.
- Pruitt, F.J., (1978). The Adaptation of African Students To American Society. International. *Journal of Intercultural Relations*, Vol. 2, pp. 90-118.
- Remmers, H. H. (1962). Cross- Cultural Studies of Teenagers Problems. *Journal of Educational Psychology vol. 53*. 254-261.
- Ross, C. dan Wu, C.L. (1996). Education, Age, And The Cumulative Advantage In Health. *Journal Of Health And Social Behaviour*, 37:104-120.
- Ryan, J. (2005). *The Student Experience. In J. Carroll & J. Ryan (Eds), Teaching International Students: Improving Learning For All*. London: Routledge.
- Said, S. (2004). *Amalan Kemahiran Belajar di Kalangan Pelajar Bumiputera. Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Salkind, N. J. (2003). *Exploring Research*. New Jersey: Pearson Education Ltd.
- Sayuti, R., Abdullah, A. I. L & Ishak, S. (2001). *Kajian Hubungan Kaum Di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial*. Universiti Utara Malaysia.
- Shah, J. K. (2012). A Study on Social Maturity, School Adjustment and Academic Achievement Among Residential School Girls. *Journal of Education and Practice*. ISSN 2222-1735 Vol 3, No 7.
- Sidanius, J., Levin, S., Van Laar, C., & Sears, D. (2008). *The diversity challenge: Social identity and intergroup relations on the college campus*. New York: Russell Sage Foundation.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business – A skill Building Approach*. New York : John Wiley and Sons, Inc.

- Smith, T., & Renk, K. (2007). Predictors of Academic-Related Stress In College Students: An Examination of Coping, Social Support, Parenting, And Anxiety. *NASPA Journal*, 44(3), 405-431.
- Sodjakusumah, T., & Everts, J. (1996, ). Strangers in a Strange Land- Indonesian Students in New Zealand Universities and the Challenge in Pastoral Care. Paper presented at the ERA-AARE Conference,Singapore.
- Stafford, T. H., Marion, P. B., Salter, M. L. (1978). Relationships Between Adjustment Of International Students And Their Expressed Need For Special Programs And Services At A U.S. University: Research And Implications. Paper Presented At The Annual Meeting of the American College Personnel Association, Detroit, MI.
- Stafford, T. H., Jr., Marion, P. B., & Salter, M. L. (1980). Adjustment of international students. *NASPA Journal* 18(1), 40-45.
- Suratman, A. S., Ripin, M. N., Awang, R., Sayed Ahmad, S. M., & Haron, Z. (2007). *Tahap Dialog Peradaban: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia*. Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Mansor, S. M. S. & Bakait, W. (2010). *Hubungan Kategori Masalah Dengan Demografi di Antara Pelajar Tahun Satu Sesi 2008/2009 Yang Tinggal di Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Taib, A. (1984). *Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia*. Laporan Teknikal, Biro Perundingan dan Penyelidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, E. S. (1981). *Culture-Bound Syndromes Among Overseas Chinese In: Kleinman, Arthur and Tsung-yi Lin, eds. Normal and Abnormal Behavior In Chinese Culture*. Boston: D. Reidel, 1981. 371-386
- Tinto, V. (1993). *Leaving College: Rethinking The Causes And Cures Of Student Attrition* (Edisi Ke-2), Chicago: University of Chicago Press.
- Tinto, V. (1996). *Reconstructing The First Year Of College*. Planning for Higher Education, 25(1), 1-6.
- Tomich, P. C, McWhirter, J. J., & Darcy, M. U. A. (2003). Personality and International Students' Adaptation Experience. *International Education*, 33, 22-39.

- Tulka, A. (1997). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Pendidikan (MP), UTM, Skudai, Johor.* Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wiersma, W. (2000), Research in Education: An Introduction. Boston : Allyn and Bacon.
- Wright, B. D. & Masters, G. N. 1982. Rating scales analysis. Chicago: MESA Press.
- Yahya, R. (2000). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori-kategori Masalah di Kalangan Pelajar Sekolah Sekolah Menengah Daerah Kinta Ipoh, Perak.* Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, A., Hashim, S., Mohd Nor, N., dan Yahaya, N., (2007) *Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Prestasi Pencapaian Akademik.* Unspecified . pp. 1-17. (Unpublished)
- Zarghouni, A. (1987). *An Analysis Of International Student's Adjustment And Academic Success In A Predominantly Black And A Predominantly White Urban University.* EDD dissertation. Texas Southern University.